

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 1/1984**

#### **PEMBUKAAN PERUSAHAAN KUARI-KUARI BARU DI NEGERI KELANTAN**

---

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagaimana Kertas Bilangan 18/842/84(62). Keputusan itu dibuat berdasarkan kepada pengesyoran Jawatankuasa Perancangan, Kewangan dan Perjawatan Negeri Kelantan yang bermesyuarat pada 23hb. Februari, 1984. Keputusan itu adalah seperti berikut :-

- 1.1 Pembukaan Kuari-Kuari baru di Negeri Kelantan dibekukan untuk sementara melainkan di Jajahan-Jajahan Ulu Kelantan dan Kuala Krai di mana ianya boleh dipertimbangkan.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 19hb. September, 1984 telah menimbangkan Kertas Bilangan 18/842/84(62) dan telah membuat keputusan seperti berikut :-
  - 2.1 Majlis Mesyuarat menimbang Kertas Bilangan 18/842/84 dan membuat keputusan bersetuju mengesahkan dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa Perancangan, Kewangan dan Perjawatan Negeri Kelantan sebagaimana di perenggan 3 kertas tersebut. Majlis juga membuat keoutusan bersetuju supaya permohonan-permohonan selain daripada Jajahan Kuala Krai dan Ulu Kelantan tidak perlu diangkat bagi mendapat pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

3. Dengan adanya keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagaimana para 2.1. di atas semua Pemungut Hasil Tanah adalah diingatkan supaya tidak menerima Permohonan Pembukaan Kuari-Kuari Baru melainkan bagi Jajahan-Jajahan Ulu Kelantan dan Kuala Krai. Mana-mana permohonan yang telah diterima tetapi belum diangkat ke M.M.K. lagi tidak juga perlu diangkat untuk pertimbangan M.M.K. Pemohon-pemohon hendaklah diberitahu mengenai dasar pembekuan sementara itu.

**t.t**

**( Md. Hussain Bin Hassan )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,  
KOTA BHARU.**

**KOTA BHARU :      7HB. OKTOBER 1984.**

**FAIL :            P.T.G. KN. 9068/JLD.2/(86).**

**KEPADА :**

Semua Pemungut Hasil Tanah dan  
PPHT Jajahan Kecil Jeli, Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.  
(UP : Bahagian Perkhidmatan – 3 salinan )

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.

YBrs. Setiausaha Sulit Dato' Menteri Besar, Kelantan.

YABrs. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan.

YABrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan.

YBrs. Pegawai Penyiasatan Kajibumi Negeri Kelantan.